

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Title : MAJLIS PERASMIAN DEWAN SANG KANCIL DAN KARYANEKA DI KAMPUNG
BENTENG
Location : KAMPUNG BENTENG, SEGAMBUT,
Date : 28-02-1982

Bismillahir rahmanir rahim Yang Berhormat Dato' Pengeran Othman bin Pengeran Rauf, Menteri Wilayah Persekutuan;

Yang Berhormat Encik Idris bin Rauf Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan;

Yang Berbahagia Dr. Elyas bin Omar Merangkap Pemangku Datuk Bandar;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Pemangku Datuk Bandar dan ahli-ahli Jawatankuasa Pusat pengelola Dewan Sang Kancil kerana telah sudi menjemput dan memberi penghormatan kepada saya untuk berucap dan seterusnya merasmikan pelancaran Dewan Sang Kancil dan Karyaneka Kampung Benteng, Segambut pada pagi ini.

2. Saya difahamkan bahawa Dewan Sang Kancil dan Karyaneka ini mendapat sambutan yang baik di kalangan penduduk di kawasan ini. Dalam masa yang singkat sahaja Projek Sang Kancil ini telah dapat memberi perkhidmatan kesihatan dan pendidikan kepada penduduk-penduduk di sini. Saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak UNICEF, Dewan Bandaraya, Universiti Malaya dan kepada semua yang telah memberi bantuan untuk menjayakan projek ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Negara Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun dengan pesatnya. Penduduknya yang berbilang kaum, keturunan, agama dan adat resam sentiasa berlumba-lumba mengejar kemewahan dan mengambil bahagian di dalam pembangunan. Dalam kita berlumba-lumba mencari kekayaan janganlah pula kita lupa tentang kesihatan diri dan hidup berkeluarga. Ramai yang tersalah sangka bahawa dengan mengejar kebendaan dan memodenkan cara hidup, kesihatan dengan sendirinya akan bertambah baik; cara hidup berkeluarga akan terjamin dan hubungan antara ahli-ahli keluarga itu akan terus erat. Tetapi sebenarnya tidak begitu. Semakin cepat cara hidup kita berubah, semakin berat tekanan yang terpaksa kita terima. Cara hidup berkeluarga adalah sesuatu yang mesti kita hargai dan kita pertahankan. Keteguhan sesuatu keluarga itu banyak bergantung kepada kesihatan keluarga itu sendiri. Dan yang dikatakan kesihatan keluarga itu pula ialah kesihatan ibu, bapa dan anaknya. Oleh yang demikian tuan-tuan dan puan-puan seharusnya memberi perhatian berat supaya penjagaan kesihatan tidak diabaikan. Kepada saya faedah yang paling besar yang boleh diperolehi dari Pusat Sang Kancil ini dari segi perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan am dan kepakaran yang disediakannya adalah

dinilai dari sumbangan kepada keluarga, iaitu kepada si ibu dan anak-anak yang belum bersekolah.

4. Sebagai seorang ibu saya faham bagaimana runsingnya fikiran bila memikirkan tentang masa depan anak-anak dan kadang-kadang terfikir juga sama ada saya telah memberi kemudahan yang lebih daripada sepatutnya dan dengan demikian memanjakan anak-anak atau apakah saya tidak memberi kemudahan yang cukup dan dengan demikian mengelapkan masa depan mereka. Buku-buku yang boleh memberi panduan untuk mengatasi masalah ini nampaknya tidak banyak menolong.

Namun demikian yang pasti ialah anak-anak sangat perlu mendapat makanan yang baik. Makanan yang baik bukan sahaja untuk membesar tetapi juga untuk menjamin kecergasan otak kanak-kanak. Otak kanak-kanak telah mula membesar pada waktu kanak-kanak itu belum dilahirkan lagi dan ini berterusan hingga ia berumur dua atau tiga tahun. Jika dalam tempoh ini kanak-kanak itu tidak diberi makanan yang sesuai dengan secukupnya maka otak kanak-kanak itu mungkin terencat. Sepanjang yang kita tahu kesannya adalah berkekalan. Kanak-kanak itu akan menjadi kurang cerdas dan ini akan menjadi nyata apabila dia terpaksa bersaing dengan kawan-kawannya di sekolah.

5. Peranan ibu adalah lebih penting dari yang disangkakan. Kesihatan badan dan kecerdasan otak rakyat sesebuah negara bergantung kepada cara ibu-ibu memenuhi keperluan anak-anak terutama pada masa sebelum ia dilahirkan dan dalam masa tiga tahun pertama selepas dilahirkan. Tugas penting ini hanya dapat dilaksanakan jika ibu-ibu sanggup mengatasi kelemahan diri dan memperbetulkan sikap masing-masing.

6. Peranan seorang bapa juga tidak kurang pentingnya. Biasanya tugas seorang bapa terlalu ditekankan kepada mencari nafkah untuk keluarga. Seorang bapa atau suami sepatutnyalah menjadi tempat anak isteri mengadu hal, menumpang kasih dan merancang bersama untuk kesejahteraan. Sekiranya peranan bapa hanya tertumpu kepada mengejar kebendaan sahaja maka mungkin keluarganya tidak dapat hidup bahagia dan sejahtera.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Projek Sang Kancil ini diwujudkan adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah pokok yang dihadapi oleh keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah. Kanak-kanak dari keluarga-keluarga ini memerlukan pendidikan dan perlindungan sempurna untuk menghadapi cabaran di kawasan metropolitan bandar. Dewan Sang Kancil mengadakan kemudahan-kemudahan untuk kanak-kanak yang berumur di antara tiga dan empat tahun, kelinik bagi kemudahan ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak yang memerlukan rawatan. Di samping kemudahan-kemudahan di atas diadakan juga perusahaan kraftangan seperti jahitan, mainan ringan seperti anak-anak patung. Perusahaan kecil-kecilan ini bukan sahaja dapat menambahkan pendapatan keluarga tetapi juga mencungkil bakat-bakat semula jadi yang ada di kalangan keluarga-keluarga tersebut. Setakat ini Dewan Bandaraya dengan bantuan Kementerian Wilayah Persekutuan dapat mewujudkan lapan buah Pusat Sang Kancil di dalam lapan buah kampung di sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Adalah dijangkakan di akhir Rancangan Malaysia Keempat bilangan dewan seperti ini akan dapat diwujudkan sebanyak duapuluh buah.

8. Sambutan orang ramai terhadap program Sang Kancil ini adalah sangat menggalakkan. Lebih kurang sepuluh ribu orang menyertai projek Sang Kancil ini. Pada keseluruhannya penyertaan orang ramai terdiri daripada kalangan masyarakat bumiputera sahaja. Dalam majlis yang permai ini saya ingin menyeru kepada semua pihak tidak kira apa fahaman politik, agama atau kebudayaan, marilah kita bersama-sama memberi kerjasama dan sokongan. Penyertaan kaum-kaum lain di dalam Projek Sang Kancil akan meningkat dan memperbagaikan kemahiran dan juga menambah semangat bersatupadu.

9. Saya difahamkan bahawa tuan-tuan dan puan-puan sedang giat memikirkan cara-cara untuk meluaskan kegiatan perniagaan dan sedang meninjau peluang-peluang baru untuk menambahkan pendapatan. Saya berasa bangga melihat kegigihan tuan-tuan bersama-sama bersatu tenaga dengan Dewan Bandaraya, Kementerian Kebajikan Masyarakat dan MARA menjalankan urusan yang dirancang itu. Saya berharap apabila pendapatan tuan-tuan meningkat, tuan-tuan akan jimat berbelanja dan akan lebih banyak menyimpan untuk keperluan masa hadapan. Adalah mendukacitakan jika sebaliknya tuan-tuan membazirkan pendapatan yang berlebihan itu pada perkara-perkara yang tidak mustahak yang tidak memberi sebarang faedah. Jika demikian maksud dan tujuan Projek Sang Kancil ini tidak mendatangkan hasil sepertimana yang diharapkan.

10. Rancangan mewujudkan Dewan Sang Kancil dan Karyaneka ini adalah salah satu daripada rancangan pembangunan masyarakat yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya. Sang Kancil adalah terkenal dalam cerita-cerita rakyat sebagai binatang yang pintar dan cerdik. Walaupun mempunyai bentuk badan yang kecil tetapi dengan kebijaksanaan dan kepintaran, ia terus hidup di hutan belantara yang penuh dengan binatang buas. Malangnya Projek Dewan Sang Kancil ini merupakan projek sementara. Kakitangannya juga sementara dan berkurangan. Walaupun projek ini dapat membuktikan kejayaannya tetapi masih lagi di peringkat percubaan.

Sekiranya Projek Sang Kancil ini dikekalkan walaupun penduduk-penduduk yang terlibat ini dipindahkan ke kawasan tetap Projek Sang Kancil ini boleh di bawa bersama-sama dengan penduduk-penduduk yang dipindahkan. Dengan demikian Projek Sang Kancil ini akan lebih bermakna dan berjaya. Misalnya apabila penduduk-penduduk ini ditempatkan di rumah-rumah pangsa pihak Bandaraya haruslah memperuntukkan ruangan khas bagi meneruskan Projek Sang Kancil ini.

11. Dalam rancangan jangka panjang saya ingin mencadangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya mempertimbangkan untuk mengambil kakitangan-kakitangan yang tetap dan berkebolehan. Dengan adanya kakitangan yang tetap dan berkebolehan adalah dijangkakan Projek Sang Kancil ini akan dapat bergerak dengan lebih berjaya lagi.

Dengan harapan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Dewan Sang Kancil dan Karyaneka Kampung Benteng, Segambut.